



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam**

**JURUTEKNIK MAKMAL KANAN (C.1-2 EB.3)
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**JURUTEKNIK MAKMAL KANAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
C.1-2 EB.3 (\$1,280 - \$2,270 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) *BDTVEC / BTEC* Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (*ND*) atau sebanding dalam bidang Sains atau bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Kementerian Pendidikan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

2. Berkeupayaan menjadi Ketua dalam kerja berkumpulan dan berkemahiran dalam merancang tugas dan tanggungjawab yang diberikan.
3. Berkebolehan dan berpengetahuan dalam berkomunikasi, menggunakan peralatan makmal dan teknologi maklumat.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

INSTITUT PENDIDIKAN TEKNIKAL BRUNEI

1. Membantu Ketua Sekolah dalam menjalankan pentadbiran, penyelarasan dan pengurusan makmal supaya mewujudkan suasana bekerja yang sistematik dan cekap;
2. Mengawas dan membimbing kakitangan makmal supaya mereka dapat dibantu dan berganding bahu dalam bidang masing-masing agar memperolehi pengalaman dalam jangka panjang;
3. Bertanggungjawab di dalam pemesanan alatan sains, penerimaan barang-barang, mencatatkan semua inden, invois, *delivery order* dari pembekal-pembekal ke dalam buku stok;



4. Mengadakan semakan stok dan mengemaskinikan buku stok dari semasa ke semasa;
5. Menjalankan dan menguatkuasakan polisi kesihatan, keselamatan dan alam sekitar Institut Pendidikan Teknikal Brunei kepada semua pengguna makmal; dan
6. Melaksanakan kerja-kerja yang diarahkan oleh Ketua dari semasa ke semasa.